

07/05/2002

Tiga negara dijangka meterai MoU tangani keganasan

RAWANG, Isnin - Malaysia, Indonesia dan Filipina dijangka menandatangani memorandum esok bagi meningkatkan kerjasama dalam usaha membanteras kegiatan keganasan terutama yang merentasi sempadan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata hari ini draf memorandum kerjasama itu sudah dipersetujui ketiga-tiga negara dan beliau akan menandatangani bagi pihak Malaysia.

Indonesia pula akan diwakili oleh Menteri Luarnya manakala Filipina oleh seorang wakil yang bertaraf menteri, katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melawat kilang sterilisasi produk perubatan, Sterilgama Sdn Bhd di sini, beliau berkata memorandum itu akan ditandatangani sempena kehadiran Presiden Filipina Gloria Arroyo di negara ini.

Arroyo dijangka tiba di sini esok bagi membentangkan kertas kerja pada Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC).

Syed Hamid berkata menerusi memorandum itu ketiga-tiga negara bersependapat bahawa terdapat keperluan mendesak untuk diadakan tindakan bersepadu bagi membanteras kegiatan keganasan.

"Menerusi memorandum itu juga kerjasama pasukan keselamatan ketiga-tiga negara (bagi membanteras kegiatan keganasan) akan ditingkatkan," katanya.

Mengenai pertemuan antara Arroyo dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, beliau berkata tiada agenda khusus yang akan dibincangkan tetapi isu membanteras kegiatan keganasan dijangka menarik minat kedua-dua pemimpin.

(END)